

CNS9911

R GB 19-10 00208 BA447

aab

MAHATHIR MINTA JEYUN MAINKAN PERANAN LEBIH BESAR

Mahathir - Jepun

Daripada Azman Ujang

I

TOKYO, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memintā Jepun menggunakan kedudukannya sebagai kuasa utama ekonomi untuk memainkan peranan lebih besar dan lebih penting dalam hal-ehwal dunia.

Beliau berkata masyarakat dunia, terutama negara-negara di Asia Tenggara, kini meletakkan harapan yang semakin tinggi kepada Jepun. +Malaysia berharap Jepun akan memainkan peranan yang lebih penting bagi menjamin keamanan dan keselamatan di samping menyelesaikan isu-isu ekonomi yang dihadapi dunia hari ini, + kata beliau dalam ucapan penting pada majlis yang diadakan oleh Institut Penyelidikan Perdagangan dan Ekonomi Mitsui di Imperial Hotel di sini.

Lebih 300 pemimpin perniagaan Jepun hadir untuk mendengar ucapan Perdana Menteri itu yang memberi penekanan kepada corak pengaruh yang seharusnya dikenakan oleh Jepun dalam hal-ehwal dunia. Institut itu merupakan pertubuhan penyelidikan Mitsui, satu daripada syarikat perdagangan am terkemuka Jepun.

Dr Mahathir berkata Malaysia sangat menyanjung tinggi keanggotaan Jepun dalam Kumpulan Tujuh Negara Maju (G-7) dan rundingan antara kerajaan Jepun dan kerajaan-kerajaan negara Asia sama adasebelum atau selepas persidangan-persidangan kemuncak G-7. Jepun ialah negara tunggal dari Asia yang menjadi anggota G-7. -- Lagi.

♥19/10/14-14MST

CNS9929

R GB 19-10 00187 BHR60

aab

Mahathir - Jepun 2 Tokyo

+Jepun mesti memberisumbangan berkesan ke arah mewujudkan orde poli tik yang stabil dan ekonomi yang adil bagi era pasca Perang Dingin, + kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata dalam membentuk orde baru antarabangsa, negara Asia akan terus memandang ke arah Jepun, sebagai sebuah negara sahabat Asia, untuk menggunakan pengaruhnya bagi mengatasi isu yang penting kepada Asia, sama ada daripada segi politik atau ekonomi.

Beliau memberitahu ahli perniagaan Jepun tersebut, kebanyakan ketua eksekutif syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia, kerana itu penting bagi Jepun untuk mengadakan hubungan ekonomi yang lebih penting dengan jiran Asianya.

+Kami di Asia Tenggara sangat mengharapkan Jepun memainkan peranan penting bagi kestabilan dan kemajuan rantau Asia Timur. Bagi membolehkan ini berlaku, sikap saling mempercayai antara Jepun dan negara Asia Timur perlu diperkukuhkan, + tambahnya.

Ini memerlukan dialog kerap antara kedua-dua pihak' supaya apabila Jepun terbabit dalam penyelarasan dasar dengan negara maju, ia dapat menyuarakan dengan berkesan kebimbangan dan asyirasi negara membangun lain, kata Dr Mahathir dalam satu lagi usaha mengajak Jepun menyertai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC). -- Lagi

♥19/10/14-44MST

CNS9943  
R GB 19-10 00167 BH861  
aab

Mahathir - Jepun 3 Tokyo

Jepun masih belum membuat keputusan sama ada akan menyertai EAEC yang dicadangkan oleh Dr Mahathir pada tahun 1990 sebagai badan perundingan mengenai isu ekonomi negara Asia Tenggara bersama Jepun, China dan Korea tetapi ditentang oleh Amerika Syarikat.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia gembira Jepun kini menyertai misi pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Kemboja.

+Kami menghargai penolakan Jepun kepada peperangan bagi menyelesaikan masalah antarabangsa. Bagaimanapun tugas dengan PBB bagi mengembalikan keamanan tidak sama dengan berperang,+ katanya dan menambah kata paksaan kadangkala perlu bagi menghentikan keganasan.

Bagi kali pertama sejak berakhirnya Peperangan Dunia Kedua, Parlimen Jepun baru-baru ini meluluskan penghantaran tentera negara itu ke luar negeri iaitu Kemboja, walaupun mendapat tentangan meluas daripada rakyatnya.

Ia merupakan antara isu paling sensitif yang dihadapi Jepun kerana generasi sekarang masih mendapati sulit untuk mengatasi kesan kezaliman tentera Jepun ketika ia menduduki beberapa negara Asia Tenggara pada Perang Dunia Kedua itu. -- Lagi

▼19/10/15-01MST

CNS9954  
R GB 19-10 00159 BH862  
aab

Mahathir - Jepun 4 Tokyo

Beliau memberitahu ahli perniagaan itu dengan keamanan di Xemboja, akan terdapat pembinaan semula dan pembangunan ekonomi di negara jiran Vietnam dan Laos, dan ini bererti faedah ekonomi bagi mereka.

+Rakyat Kemboja tidak boleh menyelesaikan masalah mereka dengan peperangan saudara yang berterusan. Ia akan memusnahkan mereka sama sekali. Dengan bantuan luar, keamanan dan demokrasi mungkin boleh dicapai,+ tambahnya.

Beliau juga bercakap mengenai kemunculan suasana politik yang lebih baik di rantau ini, yang akan membawa pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan yang bertambah.

Pembaharuan perhubungan antara Korea Utara dan Selatan dan antara kedua-dua Korea dengan China dan Russia masing-masing adalah suatu yang membuat kita optimis, katanya.

Terdahulu daripada itu, Dr Mahathir mengadakan rundingan di hotel dengan Presiden Sato Kogyo Co Ltd T. Yoshitake dan Presiden Daihatsu, N. Kumagai.

Daihatsu sedang berunding dengan Malaysia untuk menjadi rakan kongsi bagi kereta nasional kedua Malaysia. -- Lagi

▼19/10/15-28MST

CNS9961

R GB 19-10 00098 BH863

aab

Mahathir - Jepun 5 (Akhir) Tokyo

Lebih ramai ketua eksekutif syarikat-syarikat Jepun akan bertemu Perdana Menteri esok termasuk dari Mitsubishi Motor Corporation (MMC), rakan kongsi dalam Proton, yang mengeluarkan kereta nasional Proton Saga.

Dr Mahathir dan isteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan makan tengah hari dengan bekas Perdana Menteri Jepun Yasuhiro Nakasone esok.

Perdana Menteri Jepun Xiichi Miyazawa akan meraikan rakan sejawatannya dari Malaysia itu dalam satu jamuan pada sebelah malam.

Dr Mahathir akan berlepas pulang pada hari Rabu. -- Bernama

19/10/15-36MST